

CNS8099

U GB 12-04 00169 BA624

Aab

Mahathir - Kesihatan

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau bersedia menghadapi sebarang +serangan+ untuk menjatuhkannya, dan akan terus mempertahankan dirinya.

Ketika bercakap dalam satu wawancara dengan RTM hari ini, Perdana Menteri juga berkata bahawa beliau tidak akan jatuh selagi +belum sampai masanya+.

+Mereka boleh terus serang, tetapi saya akan terus mempertahankan diri saya.

+Kalau sudah sampai masanya saya jatuh, saya jatuhlah. Tetapi kalau belum sampai masanya, saya tidak akan jatuh,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir ketika ditanya sama ada khabar angin yang mengatakan bahawa beliau sakit baru-baru ini, merupakan satu cara untuk menjatuhkannya.

Perdana Menteri berkata bahawa beliau tidak tahu bahawa tindakan menyebarkan khabar angin itu merupakan satu usaha menjatuhkan beliau, tetapi beliau mengakui bahawa sudah ramai orang yang hendak menjatuhkannya.

Beliau berpendapat khabar-khabar angin itu mungkin ditimbulkan oleh pihak tertentu di negara asing yang mahu memburukkan negara ini kerana berasa iri hati. -- Lagi.

♥12/04/17-27MST

CNS8102

U GB 12-04 00156 BA625

Aab

Mahathir - Kesihatan 2 Kuala Lumpur

Katanya : +Mungkin ada pihak yang berkepentingan di negara asing mahu memburukkan keadaan dalam negara kita.

+Ini kerana negara kita diakui sebagai sebuah negara yang mencapai kejayaan dalam hampir semua bidang -- perhubungan baik antara kaum, pertumbuhan ekonomi, keadaan kewangan yang baik dan sebagainya. Ini mungkin menimbulkan perasaan iri hati,+ tambah beliau.

Sebagai contoh, kata Datuk Seri Dr Mahathir, dalam usaha kerajaan mengindahkan bandaraya Kuala Lumpur, ada sahaja orang yang akan menyatakan bahawa ia ada keburukannya.

+Orang yang semacam ini kita tidak boleh buat apa-apa, kerana tabiat dia sudah macam itu. Orang macam ini tidak pernah nampak benda yang baik langsung kerana dia mencari yang buruk sahaja.+

Datuk Seri Dr Mahathir berkata khabar angin itu juga mungkin ditimbulkan oleh mereka yang +berjudi+ dalam bursa saham dan berbuat demikian untuk mendapat keuntungan daripada jual beli saham. -- Lagi.

♥12/04/17-28MST

CNS8104

U GB 12-04 00080 BA626

Aab

Mahathir - Kesihatan 3 Kuala Lumpur

Apabila diminta pandangannya mengenai khabar-khabar angin itu, beliau berkata: +Saya tidak tahulah apa hendak kata. Barangkali boleh tanya musuh-musuh saya.

+Umpamanya, ada orang yang walaupun tidak sakit, dia kata sakit juga. Orang ini nampaknya lebih pandai dari doktor.

+Tetapi, pada pendapat saya, yang memiliki tubuh badan ini, saya berasa sihat dan boleh buat kerja macam orang lain juga,+ kata Perdana Menteri. -- Bernama.

♥12/04/17-29MST